

TERDAPAT kira-kira 6500 bahasa pertuturan yang aktif di dunia pada masa ini. Setiap satu bahasa tersebut adalah unik dan mempunyai kronologi sejarah yang menarik untuk dikaji. Hal ini bermakna setiap bahasa adalah manifestasi asal usul yang bersangkutan paut dengan waktu, evolusinya selama berabad-abad dan mempunyai signifikan dalam kewujudan dan evolusi manusia.

Memahami sejarah bahasa bukan sahaja meningkatkan semangat patriotisme tetapi juga meningkatkan sistem nilai kemanusiaan yang secara tulus memperhebat keperibadian diri, merangsang keharmonian hidup bersama dan memajukan negara. Oleh itu, setiap rekod dan catatan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa dalam pengalaman hidup manusia adalah penting agar bahasa tersebut tidak hilang di muka bumi ini.

Bahasa atau lebih khusus bahasa manusia sebenarnya merujuk tatabahasa dan peraturan serta

norma lain yang membenarkan manusia membuat sebutan dan bunyi dengan cara yang dapat difahami oleh orang lain, sebagaimana yang diujarkan oleh ahli bahasa John McWhorter, seorang Profesor Bersekutu Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Perbandingan di Universiti Columbia. Guy Deutscher dalam karya seminarnya, *The Unfolding of Language: An Evolutionary Tour of Mankind's Greatest Invention*, mengatakan bahawa bahasa merupakan “apa-apa yang menjadikan kita manusia”. Dalam erti kata yang lain, bahasa merupakan alat dan mekanisme yang menentukan cara kita berhubung dengan dunia, antara satu sama lain termasuk dengan diri kita sendiri. Bahasa juga satu daripada elemen utama dalam mana-mana budaya masyarakat. Bahasa merupakan cara manusia berkomunikasi antara satu sama lain, membina hubungan dan mewujudkan rasa komuniti.

Secara umumnya, Malaysia terdiri daripada lebih daripada 80 etnik, iaitu Sabah mempunyai 32 kaum seperti Kadazandusun, Murut, Bajau dan Rungus,



Cintai Bahasa Melayu “Tepuk Dada Tanya Selera”

manakala di Sarawak terdapat 28 etnik, dengan etnik terbesar ialah Iban, Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu. Maka itu, tidak hairanlah sebagaimana yang dilaporkan oleh *Ethnologue*, dianggarkan terdapat kira-kira 137 jenis bahasa di Malaysia dan 41 bahasa dipertuturkan di Semenanjung Malaysia.

Sejajar dengan itu, terdapat 10 dialek Melayu yang digunakan oleh penutur di seluruh Malaysia dengan variasi loghat bahasa Melayu yang juga cukup luas penggunaannya. Dengan kepelbagaian etnik dan bahasa yang dipertuturkan di pelbagai negara ini, maka di sinilah kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tidak dapat disangkal lagi. Bahasa rasmi negara ini bukan sahaja mempunyai sejarah yang unik tetapi bahasa yang seragam dan berupaya menyatupadukan masyarakat yang pelbagai bahasa dan gaya kehidupannya.

Lazimnya, setiap bahasa kebangsaan sebagai penggerak di sebalik perpaduan rakyat di negara tersebut dan hal ini menjadikan mereka berbeza daripada negara lain. Oleh itu, setiap warganegara harus menghormati bahasa rasmi negara kerana inilah bahasa utama dalam setiap aspek kehidupan dan menjadi pilihan utama sebagai sumber komunikasi pada setiap peringkat kehidupan. Bagaimana pula dengan realiti bahasa Melayu di negara ini?

Bumi bertuah ini sudah mencapai emansipasi daripada pengaruh luar selama 65 tahun dan kerancangan hidup bersama dengan masyarakat Sabah dan Sarawak sejak 59 tahun yang lalu. Kegemilangan dan perkembangan sosioekonomi negara ini banyak berpaksikan pada kehebatan bahasa Melayu. Sebagai bangsa yang berdaulat, rakyat negara ini semakin matang memperkasakan peranan bahasa kebangsaan dalam kehidupan mereka. Bagi



“Bahasa menunjukkan bangsa”, “bahasa jiwa bangsa”, “hilang bangsa lenyaplah bangsa” dan “bahasa penyatu bangsa” merupakan ungkapan yang sentiasa diingatkan agar kita tidak alpa akan kepentingan dan fungsi bahasa rasmi dalam kehidupan harian.

menunjukkan rasa hormat dan kecintaan terhadap bahasa Melayu, terdapat pelbagai cara yang diamalkan oleh masyarakat untuk terus memartabatkan kehebatan bahasa kebangsaan. Makalah ini akan membicarakan tiga kaedah berbeza untuk menyebarkan kepentingan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita.

Sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran, kita mempunyai kelebihan untuk berfikir secara matang dan memaparkan rasa kecintaan kita terhadap bahasa dengan lebih kreatif. Sejak dahulu lagi, kita disuntik dengan kata positif yang berupaya menyemarakkan semangat patriotisme dan sayang akan bahasa utama negara ini. Pejuang bahasa dan masyarakat dahulu sememangnya pintar untuk membina atau mencipta kata, seperti perumpamaan, bidalan, pantun, peribahasa atau simpulan bahasa untuk memperkaya lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian.

Sesungguhnya, pepatah petiti tersebut bukan sahaja memberikan makna yang cukup mendalam tetapi berjaya “melekat” dalam minda kita untuk jangka masa yang panjang. Di sini, kita tidak boleh mengetepikan peranan yang dimainkan oleh institusi kekeluargaan dan pendidikan untuk memajukan bahasa Melayu dan meluaskan penggunaannya.

Sebagai contohnya, “bahasa menunjukkan bangsa”, “bahasa jiwa bangsa”, “hilang bangsa lenyaplah bangsa” dan “bahasa penyatu bangsa” merupakan ungkapan yang sentiasa diingatkan agar kita tidak alpa akan kepentingan dan fungsi bahasa rasmi dalam kehidupan harian. Kesemua ungkapan ini memberikan semangat dan harapan kepada warganegara ini. Seperti yang diketahui umum, bahasa Melayu menjadi lambang kebanggaan negara dan identiti utama rakyat negara ini. Jika kita tidak bertutur dalam bahasa yang baik, maka bahasa kebanggaan kita akan pupus dan sekali gus akan melenyapkan identiti negara bangsa kita.

Oleh yang demikian, kita sentiasa diingatkan berkali-kali untuk tidak mengabaikan bahasa utama negara dan tidak terlalu mengagungkan bahasa asing. Bahasa Melayu bukan sahaja alat atau mekanisme yang mampu memajukan negara, bahkan berupaya memantapkan keperibadian kita. Kekayaan bahasa Melayu ini harus diuar-uarkan agar setiap rakyat negara ini tidak memandang sepi kehebatan bahasa rasmi ini yang pernah suatu ketika dahulu menjadi bahasa *lingua franca*.

Sebagai pendidik, penulis berasa bangga dan terharu dengan komitmen kerajaan yang meningkatkan taraf dan kualiti bahasa Melayu dalam buku teks sekolah. Terdapat banyak segmen tertentu yang membincangkan keunikan bahasa ini. Umpamanya, cara bahasa ini digunakan dalam pergaulan sesama rakan yang pelbagai etnik. Bahasa yang digunakan bukan sahaja mudah difahami mengikut tahap umur

pelajar, malah meyakinkan pelajar bahawa bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang susah untuk dipelajari.

Oleh sebab itu, penulis amat mengagumi kualiti penulisan pelajar pada peringkat universiti yang masih tidak melupakan khazanah bangsa, seperti perumpamaan, peribahasa atau simpulan bahasa yang dipelajari di sekolah rendah dan menengah. Senario positif ini secara langsung memberikan semangat untuk kita terus memperkasakan bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi.

Pendek kata, perjuangan rakyat kini bukan untuk membebaskan negara daripada penjajah, tetapi berjuang untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dan kelangsungan bahasa ini agar terus kekal di bumi bertuah ini.

Seterusnya, terdapat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk meneguhkan penggunaan bahasa kebangsaan. Komitmen Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dapat disangkal lagi yang secara tekal memperjuangkan kehabatan bahasa Melayu. Keterbukaan DBP untuk membicarakan cabaran bahasa Melayu dalam konteks semasa dari perspektif yang pelbagai sebenarnya memberikan ruang kepada pembaca untuk mengenang kembali kredibiliti bahasa penyatuan rakyat Malaysia ini.

Semangat yang sama turut membara dalam institusi lain. Umpamanya, Jabatan Komunikasi Strategik dan Multimedia, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Patriot Publishing dan Mahakarya yang mengambil inisiatif untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna media sosial. Agensi ini memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mengasah dan menyemarakkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan dalam bentuk penulisan. Artikel atau manuskrip yang ditulis, diterbitkan serta

dipaparkan dalam portal rasmi untuk bacaan umum.

Hal ini secara langsung memberikan motivasi untuk terus menulis karya fiksiyen dan bukan fiksiyen dalam bahasa Melayu. Senario ini tidak ubah seperti jika ada “kemenyan sebesar lutut pun, jika tidak dibakar tidak akan berbau”. Dalam kata lain, ilmu yang kita peroleh sebenarnya harus diajar dan diperluas perkongsiannya agar memberikan manfaat kepada masyarakat umum. Jika tidak, bukan sahaja ilmu tetapi bahasa kegemaran kita juga boleh hilang atau pupus.

Di samping itu, bahasa Melayu banyak dipopularkan oleh orang kurang upaya (OKU) secara spesifik menerusi bahasa isyarat. Bagi insan terpilih yang lahir dengan masalah percakapan dan pendengaran, misalnya bahasa kebangsaan sebagai bahasa “percakapan” utama untuk menyalurkan pendapat atau mendapatkan ilmu dan sebagai alat komunikasi. Kod tangan bahasa Melayu yang digunakan dalam pendidikan khas ini penting agar anak istimewa ini memperoleh “harta” yang bakal menjadi “teman” seumur hidup mereka.

Oleh itu, fungsi bahasa Melayu ini unik dan memberikan manfaat serta harapan kepada yang memerlukan. Maka itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bahasa ini berupaya menghubungkan individu istimewa menerusi bahasa isyarat sebagaimana yang diaplikasikan oleh syarikat makanan segera, KFC Sentul yang menerima pekerjaanya dalam kalangan kelompok istimewa ini. Dalam hal ini, penulis sendiri berpengalaman mempelajari beberapa bahasa isyarat utama yang diperoleh daripada sepupu penulis. Perasaan bangga dan seronok dapat dirasai apabila penulis dapat berbicara dengan individu istimewa ini menerusi bahasa isyarat.

Selain itu, bahasa Melayu inilah yang menjadi penghubung

utama ketika berkomunikasi dan merapatkan silaturahmi dengan orang lain. Tiada sesiapa menyangka dengan kemesraan, kepercayaan dan perasaan sayang yang dipupuk ini sebenarnya datang daripada kebolehan berbahasa Melayu.

Demikian sedikit perkongsian pengalaman peribadi penulis dan perihai bahasa kebangsaan yang perlu dimartabatkan dan diperkasakan oleh rakyat negara ini dalam kehidupan harian. Namun begitu, jangan disalahkan bahasa Melayu ini jika rakyat negara ini enggan menurutkannya. Bak kata pepatah, “buruk muka cermin dibelah”. Jika kita sendiri gagal memartabatkan bahasa ini, kita tidak harus menyalahkan orang lain, tetapi tanyalah kepada diri sendiri, mengapa kita menganaktirikan bahasa rasmi negara yang tercinta ini. Usah menyalahkan bahasa lain, bangsa lain, budaya lain, pengaruh media atau fenomena dunia tanpa sempadan.

Ironisnya, mengapa kita tidak “tepuklah dada dan tanya pada selera?” Pada hakikatnya, kita harus bertanggungjawab untuk menyebarluaskan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakan sebaya, jiran tetangga, rakan sekerja dan kenalan lain agar masing-masing menyemai perasaan cinta dan sayang akan bahasa Melayu.

Demi bahasa Melayu yang tercinta, kita tidak boleh berpeluk tubuh lagi tetapi bangkitlah untuk menguar-uarkan kepentingan, keunikan dan keselesaan kita berbahasa Melayu. Semoga kita berlapang dada dan memerdekakan minda daripada pandangan sempit mengenai bahasa Melayu, tetapi sebaliknya memainkan peranan proaktif untuk memekarkan dan mengharumkan bahasa tercinta ini.

Pendek kata, bahasa itu hidup jika kita yang menghidupkannya. Inilah jati diri kita. Biarkan kita terus berbicara dan berbangga dengan keunggulan bahasa Melayu ini. **PB**